

05/02/2001

Pemimpin bahagian wajar berilmu

Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad

PERJUANGAN Umno pada zaman global ini sebenarnya sudah menjurus ke puncak, ditanam dan dibina kukuh pencapaiannya sehinggakan dunia cuba mengenal siapa Melayu, mengerti mengenai Islam, siapa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan siapa kita. Haruman kejayaan pimpinannya menusuk hati kita.

Sayang dan kasih kita kepada Dr Mahathir bukanlah kerana pesona akhbar, bukan kerana janjinya, bukan kerana kepentingan wang ringgit serta bukan kerana cakap politik berkepentingan.

Sebaliknya, ia adalah dari bisikan hati nurani yang murni dan kedua-dua mata yang melihat terlaksananya perancangan yang melampaui tahap pemikiran kita (fikiran kita yang sering pesimis dan takut kepada bayangan dan dorongan mulut manusia kelilingnya).

Beliau membekalkan kita jambatan kejayaan yang perlu dijaga dan dipimpin oleh orang yang benar-benar berwibawa, yang menghayati roh perjuangan beliau dan dasar parti yang kasih tidak berbelah bagi kepada pimpinannya, yang bertanggungjawab serta tahu malu ke atas kegagalan menunaikan amanat dan berusaha menabur benih dan mengeluarkan personaliti kepemimpinan baru untuk menjadi tiang dan tonggak wawasan yang sedang menggamit ke arah kita.

Namun, apa yang kita saksikan sekarang, kita rasa terkejut, kita rasa hiba yang amat sangat, orang yang pada mulanya menawar diri seterusnya memegang kuasa pimpinan di atas amanat perjuangan pimpinan tertinggi gagal melindungi Umno dari serangan pembangkang yang semakin ganas dan dahsyat, tetapi masih mahu membandingkan dirinya relevan dengan roh perjuangan Dr Mahathir yang amat kita sayangi!

Di manakah kita mahu berlindung daripada serangan yang berbau fitnah yang kotor lagi jijik oleh pembangkang? Di mana pemimpin ini lari dan bersembunyi meninggalkan kita tanpa senjata, terkapai-kapai?

Kita tidak nafikan kepemimpinan meninggalkan jasa dan kita berterima kasih, tetapi tahukah kita bahawa kepemimpinan yang ada di beberapa bahagian Umno di negeri yang tidak ubah seperti 'penyu di Rantau Abang.'

Kita tahu ia mengeluarkan telur yang berkhasiat, tetapi telur yang ditinggalkan dan tidak dijaga sudah dimakan haiwan liar, dimakan biawak pasir, diperdagangkan orang yang tidak mengerti dan alangkah sukarnya untuk memanggilnya ke pantai.

Begitu sukar sekali mengisyaratkan perbezaan maksud perubahan dalam pimpinan perjuangan parti kepada segelintir pemimpin bahagian yang sengaja tidak mahu menerima hakikat kegagalan melaksanakan amanat, yang tidak lagi mempunyai keberkesanan strategi menyedarkan rakyat.

Sebenarnya mereka menjadi duri dalam daging kepada kepemimpinan tertinggi. Mereka ini sebenarnya tidak boleh membantu rakyat mendapat penerangan yang jitu ke atas setiap tindakan Dr Mahathir kerana kedangkalan ilmu dan mementingkan kedudukan diri sendiri sebagai pemimpin.

Menjanakan pemikiran kritis dan berpandangan jauh kepada pemimpin ini adalah satu kerja yang tidak munasabah di dalam era global dan ia amat memenatkan kerana nilai perjuangan tidak banyak berbaki dalam sanubari mereka.

Mereka sedar pihak yang lebih tinggi berkepentingan peribadi memerlukan mereka, jadi siapa yang akan menyentuh mereka apabila membuat kesilapan dan bagi pengikut yang sedar, mereka hanya menangis dan berdoa agar perkara ini disedari kepemimpinan tertinggi kerana saluran parti sudah dikaburi oleh kelicikan politik mereka mengekalkan kuasa di bahagian

masing-masing.

Jika kita bertanya kepada mereka bagaimana untuk menang sebagai ketua bahagian? Berduyun-duyunlah mereka datang mengemukakan bertimbun jawapan dan strategi yang bernas dan baik.

Tetapi, apabila diajukan soalan bagaimana untuk menang melawan Pas, Keadilan dan pembangkang lain, mereka pasti ketandusan idea, kering kontang akal mereka, kecuali mengada-adakan pelbagai alasan dan yang paling memilukan mereka menyalahkan pucuk pimpinan parti dan menikam dari belakang tubuh parti yang kita berlindung ini.

Apabila kita mengesyorkan agar mereka berundur, mereka dengan tidak berasa malu dan segan mengutarakan pelbagai alasan, malah ada yang membandingkan kepemimpinan mereka yang seolah-olah mahu mengikut jejak langkah kepemimpinan Dr Mahathir.

Begitu sedih dan hiba kita di atas alasan yang tidak mengukur baju di badan sendiri atau bagaimanakah kita hendak menerima dan memahami alasan manis beracun ini kecuali membandingkan mereka dengar cerita orang mahu berkahwin lebih dari satu, dua atau tiga atau empat di kampung.

Andaikan satu isteri itu adalah satu penggal memimpin bahagian, jadi mereka ini mahu terus memegang jawatan pada penggal akan datang, menjadikan mereka seolah-olah orang yang mahu berkahwin lebih kerana beralasan memperjuang agama, bangsa dan negara atau mahu mengikut Nabi atau adakah kerana nafsu diri sendiri yang membuak-buak?

Masuk akalkah alasan mereka? Inilah yang terjadi kepada perjuangan segelintir pemimpin Umno bahagian di negeri, terutama Kelantan yang memiliki warisan kuasa yang kuat dan terancang dan ampuh daripada cemuhan rakyat.

Semoga mereka segera kembali ke pangkal jalan dan sedar bahawa mereka tidak lagi terkejar roda perjalanan Wawasan 2020 dan tanyalah diri sendiri apakah yang akan diceritakan kepada anak cucu kita 20 tahun lagi?

Orang sering berkata dan takut serta bimbang mengenai pupusnya 'Harimau Malaya' di dunia ini, tetapi tidak ada orang yang mempersoalkan terhadap ketidaklahiran pejuang Umno di persada politik tanah air, yang mampu melaksanakan amanat, melahirkan idea baru, berupaya menyatukan ummah Melayu dan menyayangi bangsa melebihi diri sendiri, lantas ikhlas kepada agamanya serta mampu menghalau musuh negara.